

**Kes Nik Aziz Saman Bekas KPN, NSTP Selesai Di Luar Mahkamah
Bernama
5 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Saman fitnah RM10 juta yang difailkan bekas Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat terhadap bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Mohd Noor dan enam yang lain, berakhir apabila kedua-dua pihak bersetuju untuk menyelesaikannya di luar mahkamah, Rabu.

Peguam Choo Shi Jin, yang mewakili Abdul Rahim memberitahu pemberita bahawa kedua-dua pihak mencapai persetujuan itu di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Lee Heng Cheong.

Choo berkata plaintif dan defenden bersetuju dengan penyelesaian itu tanpa melibatkan sebarang liabiliti.

Bagaimanapun, kata beliau, syarat penyelesaian tidak dapat diumumkan.

"Susulan itu, Nik Abdul Aziz menarik balik saman berkenaan," katanya.

Pada 31 Mei tahun lepas, Nik Abdul Aziz memfailkan saman itu dengan menamakan Abdul Rahim, tiga pemberita akhbar New Straits Times (NST) --Rahmah Ghazali, Lim Poh Lean dan Nik Imran Abdullah; pengarang urusan kumpulan New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Datuk Abdul Jalil Hamid, pengarang kumpulan NSTP, Datuk Syed Nadzri Syed Harun dan NSTP sebagai defendan.

Dalam penyata tuntutan, Nik Abdul Aziz berkata defendan secara bersama bertanggungjawab menulis dan menyebabkan penerbitan satu artikel berunsur fitnah pada muka surat 6 akhbar itu pada 8 Mei tahun lepas.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=954221>